

# MASALAH SOSIAL SEMASA : APAKAH PERANAN JURURANCANG BANDAR?

NOOR SHARIFAH SUTAN SAIDI  
ABU SALEHEK B. MUSA  
Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah  
Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia  
Skudai, Johor

## *Abstrak*

*Kertas ini bertujuan untuk membincangkan mengenai masalah sosial semasa dinegara ini dalam kaitannya dengan peranan jururancang bandar. Perbincangan dimulakan dengan menjelaskan mengenai pengertian isu atau masalah sosial, perbandaran dan masalah-masalah yang timbul berhubung dengannya, masalah sosial semasa di Malaysia serta faktor-faktor penyebabnya dan diakhiri dengan cadangan umum mengenai bagaimana jururancang boleh berperanan dalam usaha membantu menangani masalah berkenaan. Jururancang yang dimaksudkan dalam kertas kerja ini tidak terhad kepada jururancang fizikal sahaja, tetapi melibatkan semua pihak yang terlibat dengan perancangan dan pembangunan bandar. Penulisan ini walau bagaimana pun hanya memberikan pandangan secara konseptual tentang masalah berkenaan serta cara mengatasinya. Tindakan-tindakan tertentu selanjutnya memerlukan kajian yang lebih mendalam mengenai sesuatu masalah itu dalam rangka bidang tugas dan peranan seseorang jururancang.*

## **1.0 Pengenalan**

Perancangan bandar adalah satu bidang yang mempunyai pengaruh yang kuat keatas kehidupan manusia. Ia mempunyai kaitan secara langsung dengan keadaan, keselesaan, kesejahteraan serta kualiti hidup manusia secara keseluruhan. Kesemua faktor ini pula sangat mempengaruhi perasaan, sikap dan tindakan manusia dalam menjalani kehidupan seharian.

Perbandaran pula adalah merupakan satu proses dan fenomena yang melibatkan berlakunya perubahan, wujudnya cabaran dan kompleksiti yang menyebabkan manusia perlu berhadapan dengan persaingan dan tekanan jiwa. Mereka yang tidak mampu menguasai kehidupan akan menghadapi berbagai masalah yang menyebabkan berbagai tekanan emosi yang boleh membawa kepada berbagai gejala sosial. Dalam perkara ini, apakah peranan jururancang bandar?

Persoalan inilah yang akan dibincangkan dalam kertas kerja ini.

## **2.0 Masalah Sosial dan Perancangan**

Mengikuti "Collins Concise Dictionary and Thesaurus (1991)" perkataan "issue" bermaksud "affair, argument, concern, controversy, matter, matter of contention, point, point in question, problems, question, subject, topic" (m.s. 409). Pengertian di atas jelas menunjukkan bahawa perkataan "isu" boleh disama ertikan dengan perkataan seperti masalah, gejala atau perkara yang menimbulkan perbincangan dan perbincangan dalam masyarakat.

Konsep "sosial" pula mempunyai berbagai pengertian. Conyers, D. (1982) misalnya menerangkan bahawa dalam perancangan, perkataan "sosial" boleh membawa erti "berkaitan dengan individu atau masyarakat, berkaitan dengan riadah, berkaitan dengan individu atau masyarakat, melibatkan manusia, sesuatu yang bukan berbentuk ekonomi atau sesuatu yang berbentuk hak asasi" (Noor Sharifah, 1990). Ini bermakna bahawa "masalah atau isu sosial" bermaksud semua perkara yang tidak di

senangi melibatkan manusia atau masyarakat.

Masalah sosial boleh dilihat dari perspektif yang berlainan. Seorang ahli sosiologi tempatan, Prof. Shamsul Amri Baharuddin berpendapat bahawa masalah sosial boleh dilihat dalam konteks yang luas atau pun sempit bergantung kepada samada masalah berkenaan berbentuk makro atau pun mikro. Masalah seperti kemiskinan misalnya adalah masalah sosial dalam konteks yang luas kerana melibatkan ramai orang secara kolektif seperti yang dialami oleh golongan nelayan, petani atau setinggan dan faktor yang menyebabkan kemiskinan mereka adalah faktor struktur masyarakat atau struktural (Dewan Masyarakat, April 1997).

Masalah sosial boleh juga berlaku diperingkat mikro. Gejala-gejala sosial seperti bunuh diri, salah guna dadah, buang bayi, bohsia, rogol, melepak, persundalan, pecah amanah, pecah rumah, penceraiian, keganasan terhadap isteri, mendera kanak-kanak dan sebagainya adalah merupakan masalah mikro yang melibatkan orang persaorangan. Masalah bunuh diri misalnya, adalah masalah yang berpunca dari masalah individu itu sendiri yang memilih untuk mengambil tindakan sedemikian. Masalah sosial yang menjadi tumpuan masyarakat dinegara masa ini ialah masalah remaja yang bersifat individual.

Mengikut beliau lagi, pengertian yang digunakan oleh kebanyakan orang dalam memperkatakan masalah sosial dinegara ini adalah berdasarkan pengertian yang sempit, menyebabkan perencanaan dan jalan penyelesaian yang dikemukakan turut juga sempit.

Beliau juga menyatakan bahawa masalah sosial yang berlaku dinegara ini adalah merupakan masalah yang sudah dialami oleh negara barat khususnya Britain ketika negara itu melalui proses perindustrian dan perbandaran akibat dari Revolusi Industri. Hakikat yang perlu kita sedari dari pengalaman ini ialah persoalan:

*"..... kalau kita tahu bersama perindustrian akan datang pelbagai masalah sosial, mengapa kita tidak merancang rapi langkah-langkah untuk menghindari atau menyelesaikannya?" (Dewan Masyarakat, Julai, 1997)*

Persoalan beliau itu jelas menunjukkan bahawa perancangan boleh memainkan peranan penting dalam usaha menangani masalah sosial. Apa yang perlu ialah jururancang memahami konsep, dimensi

serta punca menyebabkan masalah bagi membolehkan masalah berkenaan ditangani secara berkesan.

### **3.0 Perbandaran dan Masalah Sosial**

Perbandaran, walau pun membawa kemajuan, pembangunan dan pemodenan turut menimbulkan berbagai masalah. Pengalaman negara barat khususnya Britain membuktikan bahawa proses perbandaran telah menimbulkan berbagai masalah alam sekitar yang menjejaskan kehidupan manusia secara langsung dan tidak langsung. Sepertimana yang dinyatakan oleh Cherry, G. (1973) :

*"The rapidity of urban growth occasioned several social complications; at first, especially there was a lag in the creation of material resources necessary to meet the increase in population. Poverty, the battle for public health, the poor state of the country's towns, low housing standards, reduction in open space, the demands of industry and the philosophy of the age which made it difficult for the worst effects to be withstood in any case; these were the issues of the Bleak Age....."*

#### **3.1 Masalah Alam Sekitar**

Ramai pengkaji telah membuktikan bahawa perbandaran mengakibatkan berbagai masalah alam sekitar yang memberi kesan kepada kualiti hidup manusia. Savage V.R. (1995) mengatakan bahawa kebanyakan negara didunia menghadapi masalah mengurus bandar mereka. Masalah-masalah fizikal bertambah berlipat ganda, isu-isu alam sekitar menjadi bertambah kritikal dan tidak dapat diurus, penduduk bandar menghadapi masalah untuk mendapatkan perumahan yang selesa, ramai orang tinggal dijalanraya dan tempat-tempat berlindung yang huduh dan tidak selamat. Terdapat masalah kawasan sesak (slum) dan penempatan setinggan. Kebanyakan negara membangun tidak berupaya untuk menyediakan infrastruktur yang diperlukan oleh kerana bilangan penduduk meningkat dengan begitu pesat.

Infrastruktur asas turut merupakan masalah dimana makanan, air minuman dan udara menjadi tercemar disebabkan oleh penduduk yang terlalu ramai. Pengurusan pelupusan sampah turut menjadi masalah kerana kawasan yang boleh digunakan sebagai kawasan buangan menjadi berkurangan dan lokasi yang sesuai tidak dapat diadakan. Kesemua masalah ini menjejaskan kehidupan manusia terutamanya dari segi kesihatan.

### 3.2 Masalah Sosial

Proses perbandaran turut menimbulkan berbagai masalah sosial. Kajian mengenai masalah sosial yang pernah dijalankan di Amerika Syarikat diantara tahun 1960 hingga 1993 menunjukkan bahawa masalah sosial berlaku secara berlipat ganda berbanding dengan pertambahan penduduk (Savage, V.C, 1995) :

Pertambahan Penduduk	↑ 41 %
Jenayah	↑ 560 %
Kelahiran anak luar perkahwinan	↑ 419 %
Penceraian	↑ 300 %
Ibu/Bapa Tunggal	↑ 300 %

Data-data yang tersebut diatas, jelas membuktikan bahawa perbandaran adalah proses yang membawa banyak masalah sosial. Melihat perkembangan semasa jelas menunjukkan bahawa negara ini juga sedang menghadapi masalah yang sama, dimana berbagai masalah diberitakan berlaku dimana-mana. Persoalannya ialah adakah keadaan yang sama perlu berlaku dinegara ini, apakah iktibar yang dapat dipelajari dari pengalaman negara maju dan bagaimanakah harus kita menanganinya?

### 3.3 Masalah Kemiskinan

Kemiskinan adalah merupakan masalah yang ketara terutamanya dinegara membangun. Ini terbukti dari wujudnya kawasan-kawasan sesak dan setinggan dikebanyakan bandar besar dinegara membangun.

### 4.0 Masalah Sosial Di Malaysia

Sedang negara ini melangkah ke arah mencapai taraf negara maju dan berteknologi tinggi, masalah-masalah sosialnya turut meningkat ke arah yang membimbangkan. Masalah ini tidak mungkin dapat dihuraikan satu persatu kerana terlalu banyak dan kompleks. Namun berdasarkan apa yang terpapar dimedia massa, beberapa isu atau masalah sosial yang serius dapat dikenalpasti, iaitu :

#### 4.1 Kemiskinan

Kemiskinan masih merupakan masalah sosio-ekonomi yang utama dikebanyakan bandar dinegara ini walau pun sudah 40 tahun negara ini merdeka dan melaksanakan program-program pembangunan. Statistik menunjukkan bahawa pada tahun 1990 sebanyak lebih kurang 7.1% atau 82,000 isi

rumah bandar dalam kategori miskin. Dari jumlah ini sebanyak 1.3% atau 15,000 isi rumah berada dalam kategori termiskin (Kerajaan Malaysia, 1996).

#### 4.2 Masalah Setinggan

Manifestasi dari masalah kemiskinan yang tersebut diatas ialah wujudnya golongan setinggan dibandar-bandar besar. Kajian terkini mengenai setinggan yang dijalankan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (1996) menunjukkan terdapat lebih kurang 500,000 isi rumah setinggan diseluruh negara.

Kewujudan penempatan setinggan dibandar-bandar merupakan satu ancaman bukan sahaja dari segi fizikal atau alam sekitar tetapi politik dan juga sosial. Sepertimana yang dinyatakan oleh Prof. Ishak Shaari (1997) :

*"..... The more society changes and the more specialised we become, the need for skilled people is intensified. This will further leave out completely the large number of unskilled people, rendering them useless in the new high-tech economy. These people eventually make up the bulk of the urban poor and if we do not address this, the proportion of the problem may even equal or surpasses that in the United States where so many people have become homeless". (New Straits Times, 16 April 1997).*

Persoalan utama yang perlu difikirkan ialah bagaimana jururancang bandar boleh memainkan peranan dalam usaha menangani masalah ini?

#### 4.3 Masalah Alam Sekitar

Perbandaran turut menyebabkan kemerosotan kualiti alam sekitar. Di Kuala Lumpur, misalnya bertambah banyak ekosistem semula jadi digunakan untuk pembangunan. Statistik menunjukkan bahawa pada tahun 1992 terdapat hanya 0.6 km persegi kawasan hutan di Kuala Lumpur (Anuar bin Ab. Razak, 1995). Akibatnya ialah masalah hakisan yang menyebabkan tanah runtuh dan yang paling tragiknya keruntuhan bangunan yang meragut nyawa. Statistik juga menunjukkan bahawa setiap liari kawasan bandar mengalami kehilangan kawasan lapang yang diambil alih oleh pembangunan. Kajian menunjukkan bahawa di Kuala Lumpur misalnya, wujud kekurangan kawasan lapang sebanyak 1,284

keperluan penduduk (Anuar bin Ab. Razak, 1995).

Kualiti udara juga turut terancam. Masalah jerebu misalnya menimbulkan banyak masalah kesihatan kepada penduduk. Air bersih turut terancam apabila kebanyakan sungai-sungai dinegara ini menjadi tercemar akibat perindustrian. Pencemaran bunyi turut meningkat. Pelupusan sampah dan wujudnya bahan-bahan toksik yang mengancam kesihatan, serta masalah kesesakan jalan raya turut meningkat.

Apakah tindakan jururancang bagi memastikan bahawa keadaan alam sekitar yang nyaman, tenteram dan bebas dari gejala pencemaran dapat diwujudkan? Perlukah pembangunan ekonomi dan material diutamakan dimana kualiti alam persekitaran, keselesaan serta kesihatan manusia dikorbankan?

#### 4.4 Masalah Sosial

Perkembangan semasa menunjukkan bahawa masalah sosial terutamanya dikalangan masyarakat Melayu adalah membimbangkan. Masalah-masalah salah laku seperti lepak, bohsia, bohjan, dadah, rogol, pembuangan bayi, bersekedudukan, pelacuran, penderaan, kenakalan disekolah, penceraian, vandalisme dan sebagainya adalah sebahagian dari masalah sosial yang dapat disenaraikan. Persoalannya mengapakah ini berlaku dan bagaimana harus perkara ini diatasi?

#### 5.0 Faktor-faktor Penyebab

Masalah sosial adalah kompleks dan biasanya melibatkan banyak faktor. Dalam konteks bandar, faktor-faktor penyebabnya boleh dirumuskan seperti berikut :

##### i) Faktor alam sekitar

Alam sekitar mempunyai pengaruh secara langsung terhadap kesejahteraan dan keselesaan mental dan fizikal manusia. Alam sekitar yang harmonis atau serasi sangat diperlukan dalam menentukan kualiti hidup. Kajian-kajian dinegara barat misalnya telah membuktikan bahawa keadaan perumahan memberi kesan secara langsung terhadap kesihatan dan psikologi penghuninya (Danier Wilner, 1962, Alvin, S.1963). Ia juga boleh menjadi faktor penyebab kepada berlakunya jenayah (Newman, O. 1972; Coleman A.,1984). Perumahan juga terbukti boleh mempengaruhi hubungan antara jiran serta

tahap kepuasan hidup penduduk (Alvin, S, 1963).

##### ii) Perubahan Kebudayaan

Satu hakikat dalam proses urbanisasi dinegara ini ialah berlakunya proses migrasi dari luar bandar ke bandar-bandar. Ini menyebabkan golongan migran terpaksa mengalami perubahan budaya dari budaya luar bandar kepada budaya bandar yang lebih kompleks, cepat dan penuh dengan persaingan dan cabaran. Ini boleh menimbulkan berbagai konflik dan tekanan emosi yang boleh menyebabkan berlakunya berbagai masalah sosial terutama bagi mereka yang kurang persediaan mental dan material.

##### iii) Dunia Tiada Bersempadan

Faktor "dunia tiada bersempadan" (borderless world) turut memainkan peranan. Bandar-bandar merupakan pusat pertembungan berbagai etnik, ide, kumpulan kefahaman dan produk-produk material dan bukan material. Perkembangan pesat teknologi maklumat membawa kesan positif dan negatifnya kepada manusia dan masyarakat. Pengaruh television, internet dan media cetak boleh menimbulkan berbagai masalah moral jika disalah guna dan tidak terkawal.

##### iv) Kelemahan Institusi Keluarga

Keruntuhan fungsi institusi keluarga turut memainkan peranan. Kebanyakan ibu bapa bandar tiada masa untuk mengawasi dan membimbing anak-anak kerana terlalu sibuk dengan kerjaya. Ketidak mampuan ibu bapa dalam membimbing anak-anak akibat dari kurang pengetahuan turut memainkan peranan. Akibatnya anak-anak terdedah kepada pengaruh-pengaruh dan nilai-nilai yang terpesong serta bercanggah dengan nilai-nilai murni mengikut norma budaya masyarakat.

##### v) Ekonomi Bandar dan Penggangguran

Ekonomi bandar terutamanya penggangguran turut merupakan punca masalah. Tanpa mempunyai asas ekonomi yang kukuh boleh menimbulkan berbagai masalah. Berlakunya jenayah, kecurian, pecah amanah, penglibatan dengan dadah dan sebagainya adalah disebabkan oleh desakan untuk mendapatkan kemewahan material.

## vi) Budaya Material

Hidup bandar lebih mementingkan budaya material. Manusia lebih mementingkan cara-cara untuk mendapatkan kekayaan tanpa memikirkan soal nilai, moral dan etika hidup bermasyarakat.

### 6.0 Apakah Peranan Jururancang?

Persoalan utama yang ingin dijawab ialah kemanakah arah kita sebagai jururancang? Dalam hal ini, kenyataan Prof. Savage, V.C. (1995) mengingatkan kita mengenai kesilapan yang berlaku sekiranya tiada tindakan diambil. Menurut beliau:

*"..... A major corrupting force in western society is the impact of urbanisation, capitalism, consumerism and industrialisation. If governments in Asia and the developing world do not heed the negative influence of these forces, in the decades ahead, their current criticisms of the west might have to be directed at their own societies."*

Kenyataan di atas jelas menunjukkan betapa pentingnya jalan penyelesaian yang sesuai dengan nilai dan keadaan sosio-budaya masyarakat tempatan diambil perhatian. Jururancang bandar mempunyai cara, peranan dan tanggungjawab yang tersendiri dalam menangani masalah ini. Dalam menangani masalah ini, jururancang bandar perlu memberi perhatian terhadap tiga perkara berikut :-

- i) Falsafah perancangan bandar
- ii) Skop bidang perancangan bandar
- iii) Peranan jururancang bandar

#### i) Falsafah Perancangan Bandar

Sebagai titik tolak kepada pencapaian matlamat wawasan 2020, bidang perancangan perlu menentukan falsafah perancangan yang perlu dijadikan pegangan atau panduan oleh semua jururancang bagi menghasilkan perancangan yang berkesan. Dalam usaha ini, penggunaan "*Doktrin Perancangan dan Pembangunan Segaja*" yang diilhamkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (YB Dato' Prof. Zainuddin b. Mohamed, 1997) adalah sangat bertepatan sekali. Doktrin ini penting kerana ia mengutamakan nilai kerohanian dalam perancangan hasil daripada jalinan tiga hubungan antara pencipta, manusia dan alam sekitar yang menjadi asas sesuatu kehidupan (Rajah 1).

Ia sangat sesuai dijadikan asas perancangan khususnya dalam konteks menangani masalah sosial kerana dapat memberi asas yang kukuh bagi segala persoalan berhubung dengan pembentukan sesuatu masyarakat yang harmonis secara menyeluruh. Terjemahan dari asas doktrin ini dijangka boleh menghasilkan kesan perancangan yang baik dan sesuai dengan keperluan, kehendak dan tuntutan naluri manusia.

Kajian-kajian yang lepas menunjukkan bahawa punca utama berlakunya masalah sosial ialah kerana wujudnya konflik dalam masyarakat dari berbagai perspektif. Masalah penyalahgunaan dadah misalnya berlaku kerana wujudnya konflik dalam diri seseorang sehingga ia kehilangan pegangan hidup dan akhirnya terjerumus kedalam kegiatan yang boleh merosakkan diri sendiri. Begitu juga dengan masalah alam sekitar yang mengancam kesejahteraan, kesihatan dan juga mental dan emosi manusia, wujud kerana adanya keadaan yang tidak serasi atau bertentangan dengan keperluan manusia.


Bagi mewujudkan keadaan yang selesa, "konflik" perlu digantikan dengan keadaan yang "harmoni". Inilah peranan jururancang bandar yang utama iaitu memastikan wujudnya keadaan yang harmoni dalam semua hubungan terutama yang melibatkan manusia dengan penciptanya, manusia dengan manusia dan manusia dengan alam sekitar.

Peranan utama bidang perancangan bandar ialah *memperkuh, memantap, menggalak dan menyokong* hubungan antara elemen-elemen yang berkenaan. Dalam hal ini, usaha-usaha kearah *penyediaan kemudahan* yang diperlukan oleh penduduk, memastikan *kebersihan alam sekitar* serta memastikan *pembangunan sosio-ekonomi yang seimbang* adalah diantara tindakan-tindakan penting yang perlu dititik beratkan oleh jururancang bandar.


#### ii) Skop Perancangan Bandar

Selain mempunyai falsafah, perancangan bandar juga harus menentukan skop atau bidang perancangan yang perlu diberikan tumpuan. Selaras dengan falsafah atau

# RAJAH 1 : DOKTRIN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN SEJAGAT



## TIGA JENIS HUBUNGAN



## FALSAFAH PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN SEJAGAT

- 1** SIFAT MENYELURUH
- 2** MANUSIA SEBAGAI FOKUS PEMBANGUNAN
- 3** AKTIVITI BANYAK DIMENSI
- 4** PERUBAHAN KUANTITATIF DAN KUALITATIF
- 5** PENGGUNAAN & PENGAGIHAN SUMBER DENGAN SAKSAMA

Sumber : Zainuddin Mohamad, 1997.

doktrin yang dijadikan panduan, dasar-dasar yang mementingkan aspek-aspek keharmonian perlu merangkumi bidang atau skop-skop berikut:

- Alam Sekitar
- Sosio-ekonomi
- Kerohanian dan pembentukan sahsiah

Dasar alam sekitar seharusnya memastikan konflik diantara manusia dan alam sekeliling berada diparas minima atau dielakkan sama sekali. Dasar-dasar sosio-ekonomi pula perlu memastikan bahawa perbezaan dan konflik diantara individu atau kumpulan dalam masyarakat dapat dikurangkan. Dasar-dasar kerohanian dan pembentukan sahsiah pula bertujuan untuk memantapkan daya ketahanan diri seseorang atau masyarakat.

Gabungan dasar-dasar yang tersebut diatas dijangkakan boleh mewujudkan satu masyarakat yang harmonis, bersatu padu dan berpegang kepada nilai-nilai murni sepertimana yang disarankan melalui cabaran Wawasan 2020. Dasar-dasar yang tersebut diatas walau bagaimana pun perlu disokong dan dilaksanakan melalui tindakan-tindakan yang tegas, jelas, dan berkesan oleh berbagai pihak termasuk jururancang bandar.

### iii) Peranan Jururancang Bandar

Peranan jururancang bandar dalam merealisasikan perkara-perkara yang tersebut diatas, adalah penting. Walau bagaimana pun, selain mempunyai kebolehan teknikal yang mantap dan berwibawa, jururancang bandar juga perlu mempunyai nilai-nilai murni sepertimana yang diharapkan oleh masyarakat. Dalam melaksakan tugas dan tanggungjawab tersebut, jururancang bandar perlu mempunyai *kejujuran, ketegasan, keikhlasan, keazaman* dan *iltizam* demi bangsa, negara dan agama.

## 7.0 Penutup

Usaha mengatasi masalah sosial memerlukan tindakan berbagai pihak dan melalui berbagai cara. Walau bagaimana pun untuk menghasilkan sesuatu yang berkesan ia memerlukan tindakan yang bersepadu serta dijalankan secara berterusan. Oleh itu, dalam menangani masalah sosial peranan jururancang bandar yang jelas, tegas dan penuh rasa tanggung jawab adalah sangat diperlukan dimana kepentingan terhadap kesejahteraan dan keselesaan hidup manusia dan masyarakat perlu diberikan keutamaan dan penekanan.

## RUJUKAN

1. Anuar Ab. Razak (1995). **Kuala Lumpur at the Cross Roads : Looming Social Issues**. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Kuala Lumpur.
2. Alvin, L. Schorr (1963). "Housing and Its Effects" in **Slums and Social Insecurity**. U.S Social Security Administration, Division of Research and Statistics, U.S Government Printing Office, Washington, D.C.
3. Cherry, G.E. **Town Planning in its Social Context**. Leonard Hill Books. London, U.K.
4. Coleman, Alice (1984). **Utopia On Trial : Vision and Reality in Planned Housing**. Landuse Research Unit, Kings College, London.
5. Lorna Knight (eds). **Collins Concise Dictionary and Thesaurus** (1991). Harper Collins Publishers. Glasgow, U.K.
6. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Disember 1996). **Laporan Permasalahan Setinggalan di Malaysia**. Jabatan Perumahan Negara. Kuala Lumpur.
7. Kerajaan Malaysia (1997). **Seventh Malaysia Plan:1996 - 2000**. Percetakan Nasioanal, Malaysia Bhd., Kuala Lumpur.
8. New Straits Times (16 April, 1997). "**Why Are They Still Poor?**". New Straits Times Press.
9. New Straits Times (16 April, 1997). "**Danger of Defining Poverty by Income**". New Straits Times Press.
10. Noor Sharifah Sutan Saidi (1990). **Pengenalan Perancangan Sosial di Dunia Ketiga**. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. (Terjemahan dari Conyers D. (1982). *An Introduction to Social Planning in the Third World*. John Wiley and Sons Ltd. Norwich, U.S.
11. Savage, V.R. (1995). **Cultural and Social Aspects of Living Cities**. Paper presented at National Conference on Urban Planning in Conjunction with Town Planning Day, Johor Bahru, Johor.

12. Shamsul Amri Baharuddin (April, 1997). "Kesan Revolusi Industri ... Masalah Sosial : Konsep dan Kenyataan" dalam **Dewan Masyarakat**. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
13. Wilner, Danier, M. and Wakeley, Rosdabelle Price (1962). "**The Effects pf Housing On Health, Social Adjustment and School Performance**". Paper presented at the 39th Annual Meeting of the American Orthopsychiatric Association, Los Angeles, California.
14. Zainuddin b. Mohamed (1997). **Perancangan Luar Bandar Mampan**. Kertas kerja Seminar Perancangan Bandar dan Wilayah ke 15. Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, Fakulti Alam Bina. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.